

Analisis Maqasid *Juz'iyah* Terhadap Hukum Wanita Yang Haram Dikahwini Menurut Al-Quran Dan Hadis

Hamidi bin Abdul Ghani
Fakulti Pengajian Islam Kontemporari,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 019-9438165 E-mail: al_humaidi011@yahoo.com

Abdul Azib bin Hussain

Abstrak

Perkahwinan merupakan perbuatan yang disyariatkan oleh Allah untuk kelangsungan hidup manusia di dunia. Ikatan perkahwinan menghalalkan hubungan antara seorang lelaki dan seorang wanita dalam melayari bahtera rumahtangga. Namun bukan semua wanita boleh dikahwini kerana terdapat beberapa golongan wanita yang diharamkan berkahwin yang dikategorikan sebagai *al-muharramat min al-nisa'*. Pengharaman itu mengandungi hikmah dan maqasid yang tertentu. Kajian ini akan memperincikan golongan wanita yang haram dikahwini tersebut sama ada pengharaman secara kekal atau pengharaman secara sementara berdasarkan dalil al-Quran dan hadis. Kajian ini juga akan menganalisis maqasid syariah khususnya maqasid *juz'iyah* yang terdapat di dalam hukum syarak tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif jenis kepustakaan dengan gaya analisis kandungan secara deskriptif. Data-data kajian diperolehi dari tesis dan buku terutamanya kitab berkaitan maqasid syariah dan ahwal syakhshiah. Dapatan kajian menunjukkan maqasid pengharaman tersebut adalah suatu penghormatan kepada wanita serta menepati fitrah semula jadi manusia yang tidak mengingini perkahwinan *fasid* seperti itu dalam membina keluarga bahagia. Selain itu, hikmah pengharaman perkahwinan tersebut adalah untuk mengelakkan kelahiran keturunan yang lemah dan berpenyakit dan menyelamatkan dari terputusnya hubungan silaturahim sesama keluarga. Sementara maqasid *juz'iyah* dalam pengharaman sementara antaranya ialah mengelakkan dari pencerobohan hak suami yang boleh menimbulkan perkelahian dan percampuran nasab. Untuk menghindari dari keburukan pelanggaran hukum berkahwin dengan golongan *al-muharramat min al-nisa'* seorang lelaki mesti terlebih dahulu mengenal pasti golongan wanita yang haram dikahwini sebelum majlis akad nikah dilaksanakan. Jika perkahwinan telah dilangsungkan, kemudian terbukti isterinya termasuk dalam golongan *al-muharramat min al-nisa'*, maka ikatan perkahwinan tersebut mesti diputuskan dan suami isteri itu wajib dipisahkan segera.

Kata Kunci: Al-Muharramat min al-nisa, maqasid *juz'iyah*, penghormatan, fitrah.

Pendahuluan

Perkahwinan ialah suatu ikatan yang kukuh antara lelaki dan wanita melalui akad nikah yang sah untuk melayari bahtera kehidupan berumah tangga sebagai pasangan suami isteri.

Disyariatkan perkahwinan dalam Islam untuk mencapai beberapa matlamat iaitu untuk memelihara keturunan, mendapat mawaddah, rahmah dan sakinah, menanamkan semangat bertanggungjawab dan memelihara kehormatan diri dari akhlak yang buruk dan penyakit kelamin.⁶⁰¹

Untuk merealisasikan maqasid tersebut dengan cara yang baik dan benar maka Allah SWT telah mengharamkan pernikahan dengan sejumlah wanita yang tidak boleh bagi seorang muslim untuk melamarnya dan melakukan akad nikah dengannya serta berhubungan intim. Pengharaman untuk menikah dengan mereka terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama adalah pengharaman yang tetap dan yang kedua adalah pengharaman bersifat sementara⁶⁰². Pengharaman ini akan dianalisis dengan memperincikan maqasid juz'iyah.

Definisi Maqasid Juz'iyah

Beberapa definisi telah diberikan oleh ulamak yang mendalami ilmu maqasid syariah. Antaranya menurut al-Raisuni : Maqasid juz'iyah ialah maqasid yang diambil kira oleh syarak dalam setiap pensyariaan hukum seperti wajib, sunat, haram, makruh dan harus⁶⁰³. Al-Badawi juga memberikan definisi yang hampir sama seperti al-Raisuni⁶⁰⁴.

Menurut al-Yubi : Maqasid juz'iyah ialah maqasid yang dikaitkan dengan masalah tertentu atau dalil tertentu. Apa yang dihasilkan dari dalil khusus sama ada hikmah atau illah boleh dianggap sebagai maqasid juz'iyah⁶⁰⁵.

Al-Khadimi pula mendefinisikan maqasid juz'iyah sebagai illah, hikmah dan rahsia hukum⁶⁰⁶. Wasfi 'Asyur Abu Zaid⁶⁰⁷ mengatakan orang pertama yang memberi definisi maqasid juz'iyah tanpa menyebut ia sebagai definisi maqasid juz'iyah ialah 'Alal al-Fasi ketika dia mendefinisikan maqasid syariah sebagai objektif dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada

⁶⁰¹ Zainab Abd al-Salam Abu al-Fadhl, al-'Ardh al-Qurani liQadhaya al-Nikah wa al-Furqah (Kaherah : Dar al-Hadis,2006) 26-29.

⁶⁰² Muhammad al-Zuhaili, al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie, (Damsyik : Dar al-Qalam,2015)4/28-41. Mustafa al-aKhin, Mustafa al- Bugha, 'Ali al-Syarbaji (Damsyik : Dar al-Qalam,1992)2/25-34.

⁶⁰³ Ahmad al-Raisuni, Nazariah al-Maqasid inda al-Imam al-Syatibi,(al-Riyadh : al-Dar al-'Alamiah lilkitab al-Islami, 1992) 8.

⁶⁰⁴ Yusuf Ahmad Muhammad al-Badawi, Maqasid al-Syariah inda Ibn Taimiyyah,(al-Riyadh : Dar al-Samimi lilnasyri wa al-Tauzi', 2012) 158.

⁶⁰⁵ Muhammad Saad ibn Ahmad ibn Mas'ud al-Yubi, Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha biladilah al-Syar;iyah,(al-Damam : Dar Ibnu al-Jauzi, 1423H) 396.

⁶⁰⁶ Nuruddin Mukhtar al-Khadimi,al-Ijtihad al-Maqasidi, (Beirut : Dar Ibn Hazam, 2010)45

⁶⁰⁷ Wasfi Asyur Abu Zaid, *maqasid juz'iyah* (Kaherah: Dar al-Maqasid, 2015), 51-52

setiap hukumnya⁶⁰⁸. . Beliau telah menghimpunkan dalam definisinya maqasid ammah dengan katanya”objektif “ dan maqasid juz’iyyah pada baki definisi itu.

Abd al-Nasir Hamdan Bayyumi Ibrahim dalam tesisnya telah membincangkan definisi-definisi maqasid juz’iyyah yang diberikan oleh ulamak dan merumuskan bahawa maqasid juz’iyyah yang tepat ialah objektif-objektif yang telah diletakkan oleh Allah bagi setiap hukum syarak cabang secara khusus untuk mencapai kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat⁶⁰⁹.

Al-Raisuni mengatakan golongan yang banyak mengambil berat berkaitan maqasid juz’iyyah ialah golongan fuqaha’ kerana mereka adalah golongan yang mengkhususkan pengkajian mereka dalam cabang syariah. Walaupun mereka telah menyingkap maqasid juz’iyyah dalam ijtihad mereka namun mereka tidak menamakannya sebagai maqasid juz’iyyah malah menggunakan istilah lain seperti hikmah, illah dan lain-lain⁶¹⁰.

Pembahagian Pengharaman Wanita Yang Haram Dikahwini

Pengharaman ini boleh dibahagi dua bahagian iaitu :

Bahagian Pertama: Pengharaman Yang Bersifat Tetap (selama-lamanya)

Yang dimaksudkan dengan haram selama-lamanya ialah perempuan yang haram dikahwini oleh seseorang lelaki untuk selama-lamanya, walau bagaimana keadaan dan ketikanya. Haram untuk selama-lamanya ini boleh dibahagikan kepada tiga sebab iaitu :

1. Wanita-wanita yang diharamkan untuk dikahwini kerana keturunan (nasab).

Wanita-wanita yang haram untuk dikahwini kerana ikatan kekerabatan dan keturunan adalah mereka yang terdiri daripada tujuh golongann, iaitu:

1. Ibu, nenek sebelah ibu dan nenek sebelah bapa dan ke atas. Golongan ini diistilahkan sebagai *usul* manusia (kerana dianggap *asal* kepada seseorang manusia).

2. Anak perempuan, cucu perempuan dari anak lelaki dan cucu perempuan dari anak perempuan. Golongan ini diistilahkan sebagai *furu*’ manusia (kerana dianggap sebagai cabang kepada keturunan manusia).

3. Adik beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu. Golongan ini diistilahkan sebagai *furu*’ ibu bapa (kerana mereka dianggap sebagai cabang dari ibu bapa).

4. Ibu saudara sebelah bapa iaitu adik beradik perempuan yang seibu sebapa, atau sebapa atau seibu.

⁶⁰⁸ ‘Alal al-Fasi, Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa makarimaha (Kaherah : Dar al-Kalimah lilnasyri wa al-Tauzi’. 2014) 13.

⁶⁰⁹ Abdul Nasir Hamdan Bayyumi Ibrahim, *asarul istidlal bilmaqasid al-juz’iyyah fi firqu nikah* (Kaherah: Dar al-Kalimat, 2014) 62.

⁶¹⁰ Ahmad al-Raisuni, Nazariah al-Maqasid inda al-Imam al-Syatibi,(al-Riyadh : al-Dar al-‘Alamiah lilkitab al-Islami, 1992) 8.

5. Ibu saudara sebelah ibu iaitu adik-beradik perempuan kepada ibu. Begitu juga ibu saudara sebelah ibu seibu dan ibu saudara sebelah ibu sebapa. Golongan ini diistilahkan sebagai *furu'* datuk dan nenek sebelah ibu.

6. Anak perempuan kepada adik-beradik lelaki yang seibu sebapa atau sebapa atau seibu.

7. Anak perempuan kepada adik-beradik perempuan yang seibu sebapa atau sebapa atau seibu. Pengharaman mengahwini tujuh golongan di atas berasaskan kepada firman Allah SWT yang bermaksud :

“ Diharamkan ke atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan, Saudara-saudara bapamu yang perempuan; Saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang lelaki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibu yang menyusukan kamu; saudara perempuan sepersusuan; ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu daripada isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu); dan menghimpunkan (dalam perkahwinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Surah An Nisaa': 23)

Jika pernikahan dengan tujuh golongan tadi dilaksanakan maka hukum pernikahan tersebut adalah batal dan tidak sah sama sekali. Dan sesiapa yang menyatakan bahawa pernikahan tersebut adalah halal dan tidak haram, maka dia tergolong dalam orang-orang yang kafir kerana telah menyalahi dalil yang telah pasti berlaku.

Kajian yang dibuat oleh beberapa orang pengkaji mendapati maqasid juz'iyah dalam pengharaman perkahwinan dengan tujuh golongan wanita yang berkaitan dengan nasab atau kaum kerabat adalah seperti berikut:

Kesesuaian pengharaman ini dengan fitrah semulajadi manusia. Semua syariat agama samawi iaitu Islam, Yahudi dan Kristian telah sepakat bersetuju terhadap pengharaman ini. Tidak boleh diterima akal atau fitrah semulajadi seorang anak lelaki meniduri ibunya, seorang ayah meniduri anak perempuannya. Fitrah yang suci ini juga dapat dilihat pada sesetengah haiwan yang tidak mengambil teman rapatnya dari sarang yang sama, malah ia mencari teman dari sarang yang lain.⁶¹¹

Mengelakkan kelahiran keturunan yang lemah. Sains moden telah membuktikan setiap keturunan yang dijana dari keturunan yang sama kebanyakannya adalah lemah dan kurus kering. Hal ini dibuktikan dengan ujikaji yang dijalankan ke atas haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Begitu juga perkahwinan manusia dengan kaum kerabat terdekat tertakluk dengan

⁶¹¹ Muhammad Abu Zahrah, *'aqdu az-zawaj waasaaruhu* (Kaherah: Dar Fikr, 2011) 102, Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja'fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010) 76. Muhammad Uqlah, *nizam al-usrah fil islam* (Maktabah ar-Risalah, 1989) 1/279. Hasan Hasanin, *ahkaamu al-usrah islamiah* (Kaherah: Dar Afaq, 2001) 138.

teori sains di atas. Keturunannya akan kuat sekiranya mereka berkahwin dengan bukan keluarga dan menjadi lemah sekiranya berkahwin dengan keluarga terdekat.

Saidina Umar bin Al-Khattab berkata kepada Bani al-Saib kerana mereka berkahwin sesama mereka. *“Kamu telah menjadi lemah, maka berkahwinlah dengan orang yang di luar keluarga kamu”*.⁶¹²

Masyarakat Arab berpandangan elok berkahwin dengan perempuan yang jauh dan akan melahirkan anak yang cerdas serta menguatkan tubuh badan.⁶¹³

Menyelamatkan dari terputusnya hubungan silaturrahim sesama keluarga. Hubungan sesama kaum kerabat adalah hubungan yang kuat. Seorang manusia adalah sebahagian dari ibunya. Dia telah meminum air susu ibunya. Begitu juga dari ayahnya. Sabda Rasulullah SAW yang bererti *“Fatimah adalah bahagian dari aku”*.⁶¹⁴

Anak saudara seseorang itu seperti anaknya sendiri. Begitu juga emak saudara seseorang itu seperti emaknya sendiri. Sebagaimana terdapat dalam hadis yang bererti *“Emak saudara sebelah ibu itu seperti kedudukan seorang ibu”*.⁶¹⁵ Allah menyuruh supaya silaturrahim dengan kaum kerabat terdekat disambung. Jika dibenarkan perkahwinan dengan kaum kerabat terdekat, maka perkahwinan itu akan membawa kepada memutuskan silaturrahim.

Al- Kasani telah menyebut perkahwinan dengan kaum kerabat akan memutuskan silaturrahim kerana pada kebiasaan dalam sebuah perkahwinan akan berlaku perselisihan dan kekasaran sesama suami isteri. Pertengkaran akan menyebabkan penceraian yang akan memutuskan silaturrahim. Oleh kerana pernikahan itu menjadi punca terputusnya silaturrahim, maka setiap perbuatan yang membawa kepada haram, dihukumkan sebagai haram.⁶¹⁶

Kaum lelaki sebagai pelindung wanita di bawah tanggungan atau kerabatnya. Oleh kerana itu lelaki mesti bersama dan boleh bergaul bebas dengan kerabatnya. Kalau dibolehkan perkahwinan seseorang lelaki dengan kaum kerabatnya, maka menjadi satu kewajipan untuk menyekat pertemuan seseorang dengan kerabat wanitanya kerana pertemuan itu akan melahirkan perasaan keingingan kepada mereka.

Sekiranya dilarang pertemuan seorang abang dengan adik perempuannya, seorang anak saudara dengan ibu saudaranya, maka perkara ini akan mengakibatkan kesukaran dan

⁶¹² Ahmad ibn ‘Ali ibn hajar, al-Talkhis al-Habir (Makah : al-Baz , 1998) 3/309.

⁶¹³ Muhammad Abu Zahrah, *‘aqdu az-zawaj waasaaruhu* (Kaherah: Dar Fikr, 2011) 102, Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja’fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010) 76-77. Muhammad Ibrahim al-Hafnawi, *az-zawaj* (al-Mansurah : Maktabah Iman, t.th) 94. Hasan Hasanin, *ahkaamu al-usrah islamiah* (Kaherah: Dar Afaq, 2001). 138. Badran Abu ‘Ainain Badran, *az-zawaj wathalaq fil islam* (t.th) 85.

⁶¹⁴ Al-Tirmizi, Sunan al Tirmizi, online, hadis no. 3869.

⁶¹⁵ Al-Tirmizi, Sunan al Tirmizi, online, hadis no. 1904.

⁶¹⁶ Ahmad al-Hasri, *an-nikah wal-qadhaya al-muta’allichah bihi* (Beirut: Dar Ibnu Zaidun) 217. ‘Atiah Saqar, *Mausuah al-Usrah tahta ri’ayat al-Islam* (Kaherah,: Maktabah Wahbah, 2003)1/358. Muhammad Abu Zahrah, *‘aqdu az-zawaj waasaaruhu* (Kaherah: Dar Fikr, 2011) 102-103, Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja’fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010) 77. Badran Abu ‘Ainain Badran, *az-zawaj wathalaq fil islam* (t.th) 84.

kesempitan kerana lelaki adalah pelindung dan pengjaga kepada kerabatnya. Justeru itu diharamkan perkahwinan itu untuk menyekat perasaan keingingan itu dan membolehkan diadakan pertemuan.⁶¹⁷

Penghormatan khusus untuk ibu. Menghormati dan memuliakan ibu merupakan satu kewajipan anak. Al-Quran memerintahkan supaya anak berbuat baik kepada ibubapa dan melarang mereka dari mengherdik dan menenking ibubapa.

Begitu juga terdapat hadis yang menyuruh berbuat baik kepada ibu sebanyak 3 kali. Sekiranya dibenarkan anak mengahwini ibunya, maka ibu sebagai isteri mestilah taat kepada suami yang merupakan anak lelaki. Ibu kena menjalankan tugas sebagai isteri. Perlakuan ibu sebagai isteri itu bertentangan dengan konsep penghormatan anak terhadap ibu.⁶¹⁸

2. Wanita-Wanita Yang haram Dikahwini Kerana Hubungan Perkahwinan

Para wanita yang haram dikahwini kerana hubungan perkahwinan ada empat golongan iaitu :
A: Isteri bapa (ibu tiri). Haram juga mengahwini isteri datuk (nenek tiri) sebelah bapa dan isteri datuk sebelah ibu. Mereka diistilahkan sebagai isteri-isteri *usul* manusia. Mereka haram dikahwini selama-lamanya.

Sebagaimana yang telah ditegaskan dalam Al-Quran:

Ertinya: *Dan jangan kamu kahwini wanita-wanita yang telah dikahwini oleh ayahmu, kecuali pada masa yang telah lampau. Sesungguhnya perbuatan itu amat keji dan dibenci Allah dan seburuk-buruk jalan (yang ditempuh).* (Surah An Nisaa': 22)

B: Isteri anak (menantu), isteri cucu lelaki sebelah anak lelaki dan isteri cucu lelaki sebelah anak perempuan. Begitulah seterusnya isteri-isteri *furu'* yang lain. Mereka haram dikahwini sama sekali.

Firman Allah Taala, ertinya: *(dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu)* (Surah An Nisaa': 23)

Namun pernikahan yang diharamkan tersebut disyaratkan bahawa anak lelaki (yang isterinya haram dinikahi) adalah anak dari tulang sulbi sendiri (anak kandung) atau cucu dari tulang sulbinya. Dengan begitu tidak termasuk dalam kategori ini anak angkat, ertinya isteri anak angkat boleh dinikahi oleh ayah angkatnya.

C: Ibu Isteri (ibu mertua)

Islam mengharamkan untuk menikahi ibu isteri hingga ke atas dari seluruh wanita yang merupakan sumber-sumber kewujudan manusia, baik ibu isteri tersebut dari keturunan ataupun dari susuan. Hal itu ditegaskan oleh Allah s.w.t. di dalam di dalam ayat:

Ertinya: *ibu-ibu isterimu (mertua)* (Surah An Nisaa": 23)

⁶¹⁷ Badran Abu 'Ainain Badran, *az-zawaj watthalaq fil islam* (t.th) 84. Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja'fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010),77. Muhammad Abu Zahrah, *'aqdu az-zawaj waasaaruhu* (Kaherah: Dar Fikr, 2011)103.

⁶¹⁸ Badran Abu 'Ainain Badran, *az-zawaj watthalaq fil islam* (t.th) 84 Muhammad Uqlah, *nizam al-usrah fil islam* (Maktabah ar-Risalah,1989) 1/279. Abdullah bin Abdur Rahman al-Bukhari, *mahasin al-islam* (Beirut: Dar Kutub al-Ilmiah) 45.

Ketiga-tiga golongan yang disebutkan di atas, haram dikahwini sebaik sahaja berlangsungnya akad nikah, sama ada berlaku persetujuan selepas akad ataupun tidak. Sekiranya akad nikah dengan salah seorang daripada golongan tersebut dilangsungkan, akadnya adalah terbatal.

D: Anak perempuan isteri (anak tiri)

Islam mengharamkan pernikahan dengan anak perempuan isteri. Pengharaman ini disyaratkan apabila ayah tiri itu telah mencampuri isterinya (ibu kandung anak perempuan tersebut) dalam sesuatu akad nikah yang sah atau yang rosak. Jika isteri tersebut belum dicampuri maka anak perempuannya tidak diharamkan untuk dikahwini, Sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah s.w.t. di dalam ayat:

Ertinya: Anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya (Surah An Nisaa': 23)

Haramnya menikahi seorang anak perempuan isteri (anak tiri) tidak disyaratkan kewujudannya dalam pemeliharaan suami dan rumahnya. Akan tetapi hal tersebut disebutkan di dalam ayat di atas adalah kerana sekadar menjelaskan akan keadaan yang sering terjadi.

Jika seorang wanita tersebut (isteri) belum juga dicampuri oleh suaminya, maka boleh bagi suami tersebut untuk menikahnya. Sebaliknya, jika isteri tersebut telah dicampuri, maka haram bagi suaminya untuk menikahi anak perempuan isterinya (anak tiri suami tersebut) secara tetap dan selamanya. Oleh itu para ulama fiqah berkata bahawa: "Akad nikah yang dilakukan dengan seorang anak perempuan telah mengharamkan untuk menikahi ibunya. Dan jika menikahi ibunya serta telah mencampurinya, maka diharamkan untuk menikahi anak perempuannya.

Beberapa pengkaji yang menulis tentang ahwal syakhsiah telah merumuskan beberapa maqasid juz'iyah dalam hukum pengharaman berkahwin dengan beberapa golongan wanita kerana hubungan perkahwinan.

Hubungan perkahwinan seperti hubungan keturunan juga. Hubungan ini akan mengikat seorang lelaki dengan usul dan furuk isterinya. Dibenarkan bagi seorang lelaki yang berkahwin dengan seorang wanita untuk bergaul bebas dan berhimpun dengan usul dan furuk isteri yang wanita pada satu tempat. Kalau dibenarkan lelaki itu berkahwin dengan usul atau furuk wanita isterinya, maka ini akan membuka ruang keinginan kepada lelaki itu untuk meninjau hal ehwal wanita-wanita tersebut. Perbuatan ini akan membawa kepada keroskan. Ada kemungkinan berlaku perceraian kerana lelaki itu ingin mengahwini ibu tiri atau anak tirinya. Justeru itu Islam melarang perkahwinan tersebut kerana kerosakan yang timbul itu.⁶¹⁹

Pengharaman ini juga boleh mengelakkan terputusnya silaturahim antara ayah dan anaknya. Apabila seorang anak menceraikan isterinya ada kemungkinan dia menyesal dan ingin berkahwin kembali dengan isterinya.. Kalau dibenarkan ayah mertua mengahwini menantu

⁶¹⁹Hasan Hasanin, *ahkaamu al-usrah islamiah* (Kaherah: Dar Afaq, 2001),140, Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja'fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010),78-79. Badran Abu 'Ainain Badran, *az-zawaj watthalaq fil islam* 89-90.

perempuan itu akan timbul perasaan dendam daripada anak terhadap ayahnya. Perasaan dendam ini akan memutuskan hubungan silaturahim antara anak dan ayah tersebut, sedangkan memutuskan silaturahim adalah perbuatan yang diharamkan. Justeru itu diharamkan ayah mertua mengahwini menantu perempuan dan seorang anak berkahwin dengan ibu tirinya.⁶²⁰ Begitu juga kalau dibenarkan berkahwin dengan anak tiri setelah menceraikan ibunya atau dibenarkan berkahwin dengan emak tiri setelah menceraikan anaknya. Situasi yang sama juga akan berlaku jika dibolehkan bernikah dengan menantu selepas menceraikan ibunya atau dibolehkan bernikah dengan mertua selepas menceraikan anak perempuannya. Semua pernikahan itu akan membawa kepada terputusnya silaturahim dan menimbulkan permusuhan.⁶²¹

Pengharaman berkahwin dengan anak tiri disyaratkan mesti berlaku persetubuhan dengan ibunya sedangkan pengharaman berkahwin dengan ibu tiri tidak disyaratkan berlaku persetubuhan. Hikmah kepada syarat persetubuhan ini ialah si ibu tidak merasakan sebarang permusuhan, dendam dan cemburu terhadap anak perempuannya jika suaminya menceraikannya sebelum menyetubuhinya kemudian mengahwini anak perempuannya. Ini adalah kebiasaan dan sifat semulajadi ibu yang menyukai kebaikan kepada anaknya melebihi dirinya sendiri. Sementara anak perempuan itu pula mendapati kesusahan, keterasingan dan dendam jika suaminya menceraikannya sebelum berlaku persetubuhan, kemudian mengahwini ibunya. Pernikahan itu akan membawa kepada perpisahan dengan ibunya sedangkan memutuskan silaturahim adalah dilarang.⁶²²

3. Wanita-Wanita Yang Diharamkan Berkahwin Kerana Penyusuan

Tujuh golongan wanita yang diharamkan untuk dinikahi kerana disebabkan keturunan adalah diharamkan juga kerana sebab penyusuan. Ayat Quran hanya menyebutkan dua golongan wanita yang diharamkan untuk dinikahi kerana terikat dengan satu susuan, iaitu firman Allah SWT :

Ertinya: *ibu-ibumu yang menyusukan kamu; saudara perempuan sepersusuan;* (Surah An Nisaa': 23)

Jelas bahawa ayat di atas menyatakan bahawa ibu yang menyusukan dan saudara perempuan yang satu susuan termasuk mereka yang diharamkan untuk dinikahi. Para ulama mengqiaskan yang lainnya dengan mereka berdua untuk pengharaman menikahi mereka. Sebagaimana hadis diriwayatkan oleh Aisyah Ra. bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: "*Sesungguhnya*

⁶²⁰ Abdul Karim Zaidan, *al-mufassal fi ahkaamul mar'ah wabaitul muslim* (Beirut: Dar 2003).6/218.

⁶²¹ 'Atiah Saqar, *Mausuah al-Usrah tahta ri'ayat al-Islam* (Kaherah,; Maktabah Wahbah, 2003) 363. Muhammad Abu Zahrah, *'aqdu az-zawaj waasaaruhu* (Kaherah: Dar Fikr, 2011)111.

⁶²² Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja'fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 79. Abdul Karim Zaidan, *al-mufassal fi ahkaamul mar'ah wabaitul muslim* (Beirut: Dar 2003).212.

*penyusuan mengharamkan pernikahan apa sahaja yang diharamkan oleh kelahiran (ikatan darah)."*⁶²³

Imam Bukhari dalam kitab sahihnya telah membuat sebuah judul perbincangan, iaitu pengharaman kerana penyusuan adalah pengharaman kerana ikatan keturunan, dan itu juga adalah lafaz dari kitab sahih Muslim². Diriwayatkan dari Ibnu Abbas RA, ia berkata bahawasanya Rasulullah SAW sabda tentang anak perempuan Hamzah RA "*la tidak halal bagiku, adalah haram hukumnya disebabkan oleh penyusuan apa yang haram disebabkan oleh ikatan keturunan. Dia adalah anak perempuan saudaraku dari satu susuan.*"⁶²⁴

Kesimpulannya mereka yang diharamkan untuk dinikahi kerana satu susuan ialah:

1. Ibu yang menyusukan 2. Saudara perempuan sepersusuan. 3. Anak perempuan saudara lelaki yang sepersusuan 4. Anak perempuan saudara perempuan yang sepersusuan 5. Emak saudara (dari ayah) yang sepersusuan. 6. Emak saudara (dari ibu) yang sepersusuan 7. Anak perempuan yang disusukan.

Pengharaman untuk menikahi nombor 1 dan nombor 2 telah disebut dalam ayat Quran. Sementara pengharaman nombor 3 hingga 6 telah disebutkan telah disimpulkan dari hadis Rasulullah SAW yang telah disebutkan sebelum ini. Manakala dalil tentang pengharaman nombor 7 adalah yang diriwayatkan oleh Aisyah RA, dia berkata bahawa Aflah meminta izin kepadaku dan aku sama sekali tidak memberikannya izin. Kemudian ia berkata: "Apakah engkau menghijabkan diri dariku sementara aku adalah bapa saudaramu sendiri (dari ayah)?! Aku pun berkata kepadanya: "Bagaimana engkau boleh menjadi bapa saudaraku?" Ia berkata: "Kerana yang menyusukanmu adalah isteri dari saudara lelakiku dengan air susu saudara lelakiku tersebut." Kemudian Aisyah berkata: "Kemudian aku pun menanyakan hal itu kepada Rasulullah SAW dan baginda bersabda: "*Apa yang dikatakan oleh Aflah adalah benar. Oleh itu berilah izin kepadanya.*"⁶²⁵

Selain dari tujuh golongan wanita yang telah disebut tadi terdapat beberapa golongan wanita lagi diharam berkahwin dengan mereka kerana adanya hubungan melalui pernikahan dan penyusuan. Golongan itu ialah :

a. Ibu isteri dari penyusuan (ibu mertua susuan) b. Anak perempuan isteri dari penyusuan (anak tiri susuan) c. Isteri ayah dari penyusuan (ibu tiri susuan) d. Isteri anak dari penyusuan (menantu susuan)

Semua wanita yang disebutkan di atas yang haram dinikahi disimpulkan dari hadis Rasulullah SAW : "*Sesungguhnya penyusuan mengharamkan (pernikahan) apa sahaja haram dari kelahiran (ikatan darah).*"⁶²⁶

Maqasid jiz'iyah yang boleh didapati dari pengharaman berkahwin dengan golongan wanita yang haram dikahwini kerana penyusuan adalah seperti berikut :

Apabila seorang wanita menyusukan seorang anak kecil, dia telah memasukkan sebahagian dari tubuhnya ke dalam tubuh anak kecil itu. Susu yang dimasukkan itu adalah sumber

⁶²³ Muslim, Sahih Muslim, online, no hadis 3568.

⁶²⁴ Al-Bukhaari, Sahih al-Bukhari, online, no hadis 2645.

⁶²⁵ Muslim, Sahih Muslim, online, hadis no 3580.

⁶²⁶ Muslim, Sahih Muslim, online, no hadis 3568.

darahnya. Susu itu akan menumbuhkan daging dan tulang anak kecil itu. Jika anak kecil itu menjadi sebahagian daripada ibu yang menyusukannya, maka jadilah kedudukan ibu susuan itu seperti ibu kandung. Yang membezakan antara dua ibu ini ialah ibu kandung memberinya makan darah di dalam rahimnya lagi sedangkan ibu susuan menyusukannya dengan darah selepas bayi itu dilahirkan. Kalau ibu kandung dan orang yang berkaitan dengannya diharamkan berkahwin dengan anak itu secara kekal, maka begitu juga dengan ibu yang menyusukan anak itu.⁶²⁷

Ibu yang memberi susu dan anak yang menyusu bergaul bersama-sama dalam satu keluarga. Anak-anak wanita itu seperti adik-beradik kandungnya. Mereka membesar dan bermain bersama dalam satu keluarga.⁶²⁸ Orang Arab pernah menyusukan anak-anak mereka di kawasan kejiranan. Bayi yang baru lahir akan membesar di antara mereka dan bergaul dengan mereka seperti mahram. Mereka merasakan hubungan penyusuan seperti hubungan nasab.⁶²⁹ Ini bertepatan dengan hadis yang telah disebut sebelum ini.

Beberapa orang penulis Kristian Perancis telah menulis kekaguman mereka kepada sistem penyusuan dalam Islam yang mengharamkan perkahwinan ibu yang memberi susu dengan anak yang menyusu. Kekaguman mereka berkaitan galakkan untuk memberi susu kepada bayi yang tidak mempunyai ibu. Sekiranya wanita yang menyusukan itu mengetahui bahawa dalam syariat Islam kedudukannya seperti ibu kandung, dia akan dihormati dan dimuliakan seperti ibu kandung dan kanak-kanak itu diharamkan berkahwin dengannya, maka dia akan tampil untuk menyusukan bayi tanpa keraguan lagi dan kerana itu akan bertambahlah keturunan manusia. Syariat Islam unik dan berbeza dengan agama Yahudi dan Kristian dalam menjadikan penyusuan ini sebagai salah satu pengharaman berkahwin.⁶³⁰

Perbincangan yang menarik dalam menyingkap maqasid juz'iyah terhadap hukum wanita yang haram dikahwini kerana penyusuan ialah larangan perkahwinan anak susuan dengan ayah susuan. Pada umumnya pengharaman ini melibatkan ibu susuan dan anak-anak susuan kerana mereka yang meminum air susu itu. Sementara ayah susuan pula tidak terlibat secara langsung dengan air susu yang diminum oleh bayi itu, tetapi mengapa ayah susuan juga diharamkan berkahwin dengan anak susuan yang menyusu dengan isterinya?.

Kewajaran pengharaman ayah susuan berkahwin dengan anak susuan ialah berdasarkan air susu yang diminum bayi itu. Air susu itu akan menumbuhkan daging dan menumbuhkan tulang bayi. Kewujudan air susu pada ibu susuan disebabkan oleh percampuran air mani lelaki dan air mani wanita yang mengakibatkan kehamiln. Dengan ibu susuan itu menyusukan bayi,

⁶²⁷ Muhammad Abu Zahrah, *al-ahwal as-syahksiah* (Kaherah: Dar Fikr, 1950), 82-83, Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syahksiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja'fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010), 81., Hasan Hasanin, *ahkaamu al-usrah islamiah* (Kaherah: Dar Afaq, 2001), 145.

⁶²⁸ Muhammad Abu Zahrah, *al-ahwal as-syahksiah* (Kaherah: Dar Fikr, 1950), 83, Hasan Hasanin, *ahkaamu al-usrah islamiah* (Kaherah: Dar Afaq, 2001), 146

⁶²⁹ Shah Waliullah Ibnu Abdur Rahim ad-Dahlawi, *hujjatullah al-balighah* (Beirut: Dar Ihya' al-Ulum), 350.

⁶³⁰ Muhammad Abu Zahrah, *al-ahwal as-syahksiah* (Kaherah: Dar Fikr, 1950) 82-83. Hasan Hasanin, *ahkaamu al-usrah islamiah* (Kaherah: Dar Afaq, 2001) 146.

terjalinlah hubungan antara bayi dan wanita itu dengan suaminya. Air susu yang diminum bayi itu menjadi sebahagian dari diri bayi yang menyusu yang disebabkan percampuran air mani lelaki dan wanita itu.

Tidakkah seorang cucu perempuan itu diharamkan berkahwin dengan datuknya sebagaimana dia diharamkan berkahwin dengan bapanya? Walaupun larangan berkahwin dengan datuknya tidak ditetapkan dalam Al-Quran. Ini kerana cucu perempuan itu, walaupun dia benar-benar mempunyai darah ayahnya, bukan darah datuk, tetapi datuk menyebabkan darah ayah, jadi alasan itu diambil sebagai ganti sebab dalam hak kesucian perkahwinan sebagai langkah berjaga-jaga, dan begitu juga di sini ayah susuan diharamkan berkahwin dengan anak susuan disebabkan percampuran air mani ayah susuan dan ibu susuan menjadi air susu yang diminum anak susuan.⁶³¹

Bahagian Kedua: Pengharaman Yang Bersifat Sementara

Yang dimaksudkan dengan pengharaman bersifat sementara adalah pengharaman untuk menikahi sejumlah wanita yang tidak diharamkan selama-lamanya ini. Ertinya pengharaman tersebut berlaku kerana beberapa sebab daripada sejumlah sebab yang ada, atau adanya halangan yang menjadikan haram untuk dinikahi. Namun jika halangan atau sebab tersebut hilang, maka pengharaman tersebut pun tidak berlaku lagi hingga akhirnya hukum tersebut berubah menjadi halal untuk dinikahi. Namun jika pernikahan tersebut tetap dilakukan sementara sebab dan halangan yang mengharamkan pernikahan tersebut masih ada, maka akad pernikahan tersebut tidak sah sama sekali.

Golongan wanita yang diharamkan untuk dikahwini yang bersifat sementara adalah berjumlah tujuh golongan. iaitu:

1. Berkahwin dengan dua beradik perempuan sekaligus (berpoligami dengan dua perempuan yang bersaudara)

Islam mengharamkan untuk menikahi dua wanita yang dua bersaudara, baik persaudaraan keduanya diikat oleh keturunan ataupun kerana penyusuan. Begitu juga diharamkan berkahwin dengan wanita bersaudara sama ada adik-beradik sekandung atau adik-beradik sebapa atau seibu. Namun jika isteri yang pertama meninggal dunia atau telah ditalak satu atau dua, kemudian masa idahnya telah habis, maka dalam keadaan seperti ini boleh baginya untuk menikahi saudara perempuannya, seperti yang telah dimaklumkan oleh Allah SWT di dalam Kitabullah:

Ertinya:...dan menghimpunkan (dalam perkahwinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Surah An Nisaa': 23)

Dan jika dia menceraikan isterinya tersebut dengan talak tiga, maka ia dibolehkan untuk menikahi saudara perempuannya walaupun isterinya masih dalam masa idahnya.

⁶³¹ Abdul Karim Zaidan, *al-mufassal fi ahkaamul mar'ah wabaitul muslim* (Beirut: Dar 2003).240.

Maqasid juz'iyah pengharaman menghimpunkan dua adik-beradik perempuan dalam satu perkahwinan ialah perbuatan itu akan membawa kepada terputusnya silaturahim antara dua-beradik itu disebabkan pada kebiasaan permusuhan antara dua wanita yang berpoligami sangat ketara. Pernikahan ini akan mengakibatkan terputus silaturahim antara dua-beradik itu. Memutuskan silaturahim hukumnya haram.⁶³²

Sebenarnya hikmah yang menjadi asas larangan ini terdapat juga pada hukum menghimpunkan antara seorang wanita dengan ibu saudara sebelah ayah atau ibu saudara sebelah ibu. Hal itu telah ditegaskan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban bahawasanya Rasulullah SAW melarang dihimpun seorang perempuan dengan ibu saudaranya sama ada sebelah ayah atau sebelah ibu." Kemudian baginda bersabda lagi: "*Sesungguhnya kamu jika melakukan hal tersebut, maka sesungguhnya kamu telah memutuskan tali silaturahim di antara keluarga kamu.*"⁶³³

2. Menikah dengan menghimpun antara seorang wanita dengan ibu saudaranya (baik daripada ayah mahupun daripada ibu)

Diharamkan bagi lelaki untuk menghimpun antara seorang wanita dan ibu saudaranya (sama ada ibu saudara sebelah ayah atau sebelah ibu) dalam sebuah perkahwinan. Hal itu ditegaskan oleh sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadisnya, baginda bersabda: "*Tidak dibolehkan untuk menghimpun seorang wanita dengan emak saudara dari ayahnya (dalam sebuah pernikahan) dan menghimpun seorang wanita dengan emak saudara dari ibunya.*"⁶³⁴

Begitu juga diharamkan untuk menghimpun (dalam pernikahan) seorang perempuan dengan anak perempuan saudara perempuannya atau anak perempuan saudara lelakinya hingga ke bawah. Alasannya adalah bahawa larangan tersebut termasuk daripada larangan yang ada dalam hadis tersebut, baik kewujudan emak saudara tersebut terjadi kerana adanya ikatan nasab dan ikatan penyusuan.

Acuan dalam menyatakan pengharaman ini ialah bahawa diharamkan untuk menghimpun dalam pernikahan antara setiap dua perempuan yang berada di antara keduanya terdapat ikatan kekerabatan atau penyusuan, kerana jika di antara salah satu keduanya terdapat seorang lelaki maka diharamkan untuk melakukan pernikahan di antara mereka berdua.

Namun jika isterinya telah meninggal dunia atau telah ditalaknya dengan talak satu atau dua dan masa idahnya yang dijalannya telah habis, maka halal baginya untuk menikahi salah satu dari ibu saudaranya. Begitu juga halnya jika ia telah mentalak isterinya dengan talak tiga, maka dibolehkan baginya untuk menikahi salah seorang ibu saudaranya setelah talak dijatuhkan dan ini jelas berbeza dengan talak raj'i yang dijatuhkan kerana mesti terlebih dahulu mengetahui isi kandungannya iaitu dengan habisnya masa idahnya.

⁶³² Abdul Karim Zaidan, *al-mufassal fi ahkaamul mar'ah wabaitul muslim* (Beirut: Dar 2003) 282., Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, *al-ahwal as-syakhsiah fi syarhi al-islamiah* (Beirut: Dar, 2003)52.

⁶³³ Ibnu Hibban, Sahih Ibnu Hibban, online, no hadis 4116.

⁶³⁴ Ibnu Hibban, Sahih Ibnu Hibban, online, no hadis 4116.

Maqasid juz'iyah bagi hukum ini adalah sama dalam hukum menghimpunkan dua adik-beradik perempuan dalam satu perkahwinan.

3. Berkahwin dengan isteri yang kelima dan seterusnya

Islam telah membolehkan bagi lelaki muslim untuk menikahi isteri dengan jumlah mulai satu hingga empat, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam ayat Quran . Allah swt. berfirman:
Ertinya: *Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat (Sura An Nisaa: 3)*

Ayat Al-Quran ini menjadi dalil yang hanya membatasi isteri dengan empat orang sahaja dan diharamkan untuk mempunyai isteri yang lebih daripada jumlah empat orang tersebut.

Selain ayat Quran yang menjadi dasar hukum haram berkahwin lebih dari empat orang isteri terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Qais bin Al Harith RA, dia berkata bahawa pada waktu memeluk agama Islam, aku memiliki lapan orang isteri. Dan itu kusampaikan kepada Rasulullah SAW hingga baginda berkata: "*Pilihlah empat orang dari lapan isterimu tersebut untuk menjadi isteri-isterimu.*"⁶³⁵

Hadis tadi menunjukkan jika dihalang memiliki isteri lebih dari empat orang bagi orang yang telah memiliki lebih dari empat orang isteri maka bagi orang yang belum lagi berkahwin lebih dari empat orang lebih-lebih lagi dihalang dari berkahwin lebih dari empat orang isteri.

Maqasid juz'iyah dalam hukum tidak boleh berkahwin lebih dari empat orang isteri ialah menolak kezaliman poligami yang berlaku sebelum kedatangan Islam. Apabila Islam datang membawa kebenaran, Islam telah menetapkan menetapkan jumlah poligami hanya sebanyak empat orang isteri sahaja. Pada zaman Jahiliyyah, wanita dianggap sebagai harta yang hilang sahaja. Seorang lelaki boleh memiliki wanita sebanyak mungkin mengikut kemahuaannya. Agama Islam telah menghapuskan kezaliman terhadap wanita dan memberikan mereka status yang sepatutnya.

Seorang lelaki dengan apa yang Allah berikan kepadanya sama ada kemampuan fizikal dan mental tidak dapat berkahwin lebih dari empat orang isteri untuk mencapai tuntutan keadilan. Allah yang mencipta manusia Maha Tahu dan Maha Bijaksana terhadap kemampuan manusia kerana ayat Quran telah menyatakan sekiranya seorang lelaki itu tidak boleh berlaku adil dalam berpoligami dengan empat orang isteri, maka kahwinilah seorang isteri sahaja. Tidak dibenarkan berkahwin dengan isteri yang ke lima. Penetapan jumlah empat orang isteri dalam satu masa adalah tindak balas kepada sifat lelaki dan sesuai dengan kemampuannya untuk memikul tanggungjawab poligami itu.⁶³⁶

4. Berkahwin dengan wanita yang musyrik

⁶³⁵ Abu Daud, Sunan Abi Daud, online, hadis no 2241.

⁶³⁶ Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, *al-ahwal as-syakhsiah fi syarhi al-islamiyah* (Beirut: Dar, 2003) 312. Badran Abu 'Ainain Badran, *az-zawaj watthalaq fil islam* (t.th) 131.

Islam mengharamkan atas seorang muslim untuk menikahi seorang wanita musyrik yang sama sekali tidak mempunyai kitab suci samawi, seperti mereka yang menyembah berhala, Majusi, dan agama yang membenarkan apa sahaja serta setiap puak yang akidahnya adalah kafir. Namun jika wanita kafir tersebut telah masuk Islam, maka halal bagi muslim untuk menikahnya. Hal itu telah ditegaskan oleh Allah SWT di dalam firman-Nya:

Ertinya: *Dan jangan kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita hamba yang mukmin lebih baik daripada wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu.* (Surah Al Baqarah: 221)

Begitu juga tidak dibolehkan bagi seorang muslim untuk menikahi seorang wanita yang telah murtad dari agamanya kerana dia telah menjadi kafir. Wanita itu mesti kembali terlebih dahulu kepada agama Islam dan kemudian baru halal untuk dinikahi.

Maqasid juz'iyah dalam hukum haram berkahwin dengan wanita musyrik ialah merujuk kepada matlamat perkahwinan yang disyariatkan oleh Allah iaitu mewujudkan ketenangan dan kasih sayang. Matlamat ini tidak akan dapat dicapai kecuali melalui kesatuan aqidah dan kesamaan pemikiran terhadap kehidupan. Perhubungan dengan perempuan musyrik tidak akan merealisasikan matlamat itu kerana hubungan yang berlaku diasaskan berdasar perasaan permusuhan dan kebencian kerana Allah. Sebagai contoh, bagaimana keharmonian dapat dicapai antara orang yang berpandangan menyembelih lembu dan membahagikan daging lembu sebagai satu cara mendekatkan diri kepada Allah dengan orang yang menganggap lembu sebagai binatang yang mulia dan menyembelihnya sebagai melampau kesucian agama.⁶³⁷

5. Wanita yang masih memiliki suami

Islam melarang lelaki muslim untuk menikahi seorang wanita yang masih memiliki seorang suami yang masih hidup. Namun jika suaminya telah mati atau wanita tersebut telah ditalak dan masa idahnya habis, maka boleh baginya untuk menikahnya, sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT

Ertinya: *Dan (diharamkan juga kamu mengahwini) wanita yang bersuami.* (Surah An Nisaa": 24)

Maksud dari ayat tersebut adalah para isteri yang telah memiliki suami adalah haram untuk dinikahi. Jika telah meninggal suaminya, atau telah ditalak oleh suaminya dan masa idahnya telah habis maka saat itu wanita itu tidak memiliki suami lagi dan halal untuk dinikahi. Allah berfirman:

Ertinya: *Dan kahwinkanlah orang-orang yang sendirian (tidak berkahwin) di antara kamu.* (Surah An Nuur: 32)

Maqasid juz'iyah dalam pengharaman berkahwin dengan isteri orang ialah untuk memelihara hubungan antara anggota masyarakat supaya menjadi kukuh dan mantap dan mengelakkan berlaku permusuhan dan kebencian sesama mereka. Mengahwini isteri orang merupakan satu

⁶³⁷ Muhammad Uqlah, *nizam al-usrah fil islam* (Maktabah ar-Risalah, 1989) 1/296. Badran Abu 'Ainain Badran, *az-zawaj watthalaq fil islam* (t.th) 116.

pencerooban kepada hak suami dan dikira tidak menghormati hak suami dan menjaga perasaannya.⁶³⁸ Perbalahan dan perkelahian akan berlaku yang boleh membawa ke arah pembunuhan jika dibenarkan perkahwinan dengan isteri orang.

Tindakan wanita yang bersuami itu berkahwin lagi bertentangan dengan ajaran Islam yang tidak membenarkan seorang wanita berkahwin lebih dari seorang suami. Perkahwinan dengan isteri orang akan membawa kepada percampuran benih, kekeliruan keturunan, mensia-siakan anak dan keruntuhan rumah tangga yang telah dibina.⁶³⁹

6. Wanita yang masih berada dalam masa idah

Yang termasuk wanita yang haram untuk dinikahi adalah yang masih menunggu habis masa idahnya kerana telah ditalak oleh suaminya. Kerana idah adalah sebuah proses kelangsungan dari kehidupan berkeluarga dan wajib dilakukan untuk menjaga keturunan sehingga tidak bercampur baur dengan lelaki yang lain yang akan menjadi suami barunya. Oleh itu, tidak dibenarkan bagi seorang lelaki untuk menikah dengan seorang wanita yang masih berada di dalam idahnya, baik idahnya tersebut kerana telah ditalak satu dan dua, atau ditalak tiga atau juga ditinggal mati suaminya. Dan jika masa idahnya telah habis, maka ia dibolehkan untuk menikahi wanita tersebut sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran:

Ertinya: *Dan janganlah kamu berazam (bertetap hati) untuk berakad nikah, sebelum habis idahnya.* (Surah Al Baqarah: 235)

Makna ayat tersebut adalah tidak dibenarkan bagi seorang lelaki untuk melakukan akad nikah dengan seorang wanita yang masih menunggu habis masa idahnya sehingga masa idahnya yang ditentukan syariat telah habis.

Maqasid juz'iyah dalam pengharaman berkahwin dengan wanita yang masih dalam idah ini ialah untuk menjaga hak suami yang pertama supaya tidak berlaku percampuran benih dan kekeliruan keturunan. Allah telah mewajibkan isteri yang diceraikan dan telah disetubuhi supaya beridah dengan menahan diri dari berkahwin dalam tempoh idah untuk memastikan kekosongan rahim wanita itu dari kewujudan anak. Jika perkahwinan itu dibenar sedangkan wanita itu hamil ketika dia diceraikan, kesannya akan menyebabkan anak yang akan lahir dinasabkan kepada suami yang baru.⁶⁴⁰ Ini sangat bertentangan dengan maqasid syariah yang menjaga keturunan dari percampuran nasab.

⁶³⁸ Muhammad Uqlah, *nizam al-usrah fil islam* (Maktabah ar-Risalah, 1989).1/287. Muhammad Abu Zahrah, *'aqdu az-zawaj waasaaruhu* (Kaheerah: Dar Fikr, 2011)134. Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja'fariah* (Kaheerah: Dar al-Hadith, 2010)82.

⁶³⁹ Abdul Karim Zaidan, *al-mufassal fi ahkaamul mar'ah wabaitul muslim* (Beirut: Dar 2003) 6/296. Muhammad Ibrahim al-Hafnawi, *az-zawaj* (al-Mansurah : Maktabah Iman, t.th) 112. Muhammad Abu Zahrah, *al-ahwal as-syakhsiah* (Kaheerah: Dar Fikr, 1950)96.

⁶⁴⁰ Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, *al-ahwal as-syakhsiah fi syarhi al-islamiyah* (Beirut: Dar, 2003) 56. Muhammad Ali as-Sarhawi, *syarhu qanun al-ahwal as-syakhsiah* (t.tp, Dar al-Fikr, 1997) 88. Muhammad Ibrahim al-Hafnawi, *az-zawaj* (al-Mansurah : Maktabah Iman, t.th) 112.

Perkahwinan dalam tempoh idah juga boleh mencetuskan perkelahian dan perbalahan dengan suami sebagaimana dalam maqasid juz'iyah pengharaman berkahwin dengan isteri orang terutamanya dalam tempoh iddah cerai kali pertama dan kedua kerana hak suami masih berkuat kuasa dalam tempoh. Ini, Allah memberikan hak suami untuk merujuk isteri dalam tempoh idah ini, malah suamilah yang paling berhak merujuk isterinya untuk membina kembali rumah tangga yang runtuh dan membetulkan kesilapan yang lalu antara pasangan.

7. Isteri yang ditalak tiga

Allah s.w.t. telah mensyariatkan talak dengan jumlah tiga kali. Jika seseorang telah menjatuhkan talak kepada isterinya untuk kali yang pertama dan kedua, maka ia berhak dan boleh merujuk kembali isterinya dengan keinginannya dan lafaznya pada masa idah berlangsung. Kemudian dia boleh juga menikahnya kembali setelah habis masa idahnya dengan satu akad nikah yang baru.

Namun jika seorang lelaki menjatuhkan talak kepada isterinya sekaligus dalam sekali kesempatan atau dia menjatuhkan talak untuk yang ketiga kalinya setelah sebelumnya telah menjatuhkan talak satu dan dua, maka isterinya tersebut haram untuk dinikahnya yang bersifat sementara. Dengan kata lain, dia tidak dibolehkan untuk menikahi bekas isterinya itu dengan bermodalkan keinginannya semata-mata dalam masa idahnya. Begitu juga dia tidak boleh berkahwin dengan bekas isterinya yang telah dicerai dengan talak tiga itu kecuali melalui akad yang baru setelah habis masa idahnya.

Jadi, dia dibolehkan untuk menikahi kembali isterinya setelah isterinya menikah terlebih dahulu dengan lelaki lain secara syarie lagi sah dan setelah disetubuhi. Setelah itu, suami barunya tersebut mentalaknya dan ketika habis masa idahnya barulah mantan suaminya tersebut boleh menikahnya kembali dengan melaksanakan akad nikah yang baru. Hal itu telah dinyatakan oleh firman Allah SWT :

Ertinya: Kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah Talak yang kedua). maka perempuan itu tidak lagi halal baginya hingga dia kahwin dengan suami yang lain. Kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk kahwin kembali jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkan-Nya kepada kaum yang (mahu) Mengetahui, (Surah Al Baqarah: 230)

Selain dari ayat di atas terdapat juga hadis tentang hukum mengahwini bekas isteri yang dicerai dengan talak tiga ini. Diriwayatkan dari Aisyah RAha, dia berkata bahawasanya seorang perempuan yang merupakan isteri Rifa'ah Al Quraziy datang menemui Rasulullah SAW, dan berkata: "Aku sebelumnya adalah isteri Rifa'ah dan kemudian dia menjatuhkan talak kepadaku dengan talak tiga. Kemudian aku pun menikah dengan Abdurrahman bin Az Zubair setelah habis masa idahku. Namun ketika bersama dengan Abdurrahman bin Az Zubair, ternyata dia tidak mampu untuk memberikan nafkah batinku." Setelah itu Rasulullah SAW bertanya kepadanya: "Apakah engkau ingin kembali untuk menjadi isteri Rifa'ah Al Quraziy? Itu tidak

akan boleh terjadi, kecuali engkau telah melakukan hubungan suami isteri dengan suami barumu (Abdurrahman bin Az Zubair),".⁶⁴¹

Dapat disimpulkan dari hadis tadi, untuk boleh melakukan pernikahan dengan mantan suaminya tersebut tidak cukup hanya bermodalkan sekadar akad nikah sahaja dengan lelaki lain, namun mesti melakukan hubungan intim terdahulu dengannya.

Begitu juga tidak dibenarkan untuk melakukan sebuah pernikahan muhallil yang dikenali sebagai cinta buta iaitu pernikahan kedua si isteri yang dilakukannya dengan lelaki lain untuk menghalalkan dan membolehkannya cepat kembali menikahi mantan suaminya tersebut. Pernikahan ini tidak ada niat melaksanakan perkahwinan yang sebenar. Hal ini telah ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadisnya: "*Sesungguhnya Allah SWT melaknat orang yang membuat muhallil (cinta buta) dan juga melaknat orang yang memerintahkan untuk melakukan cinta buta tersebut.*"⁶⁴²

Maqasid juz'iyah yang terdapat dalam pengharaman berkahwin dengan isteri yang telah ditalak tiga ialah sebagai satu seruan kepada pasangan suami isteri supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk mengekalkan perkahwinan. Jika suami isteri mengetahui kesan talak tiga ini akan memisahkan mereka berdua dan tidak boleh berkahwin semula kecuali dengan syarat-syarat yang ketat yang dari segi logiknya agak sukar dipenuhi segera kecuali melalui perancangan yang diharamkan oleh agama iaitu nikah tahlil atau dikenali sebagai Cina buta, maka mereka berdua akan menjalani kehidupan rumah tangga yang bahagia dengan menjalankan tanggungjawab masing-masing. Kesejahteraan, ketenangan dan kasih sayang merupakan maqasid syariah sesebuah perkahwinan.⁶⁴³

Pengharaman ini akan menggalakan suami dari mudah melafazkan talak sehingga sampai talak yang ketiga atau melafaz talak tiga sekaligus. Jika seorang suami yang tahu hukum dan kesan talak tiga yang akan mengharamkan hubungan dengan isterinya dan membolehkan isterinya berkahwin dengan lelaki lain yang kemungkinan tidak akan bersamanya lain, atau kemungkinan untuk bersama semula tetapi setelah suami baru menikmati hubungan jenis dengan bekas isterinya, tentulah kenyataan ini menjadikan suami berhati-hati untuk melafazkan talak tiga.⁶⁴⁴

Syarat untuk kembali sebagai pasangan suami isteri ini sangat ketat dan amat sukar dipenuhi adalah sebagai pencegahan dan untuk mendispin, mematahkan kemarahan dan kesombongn suami selepas dia melihat isterinya di tempat tidur orang lain.⁶⁴⁵

⁶⁴¹ Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, online, hadis no 5265.

⁶⁴² Abu Daud, Sunan Abi Daud, online, hadis no 2076.

⁶⁴³ Badran Abu 'Ainain Badran, *az-zawaj watthalaq fil islam* (t.th) 114.

⁶⁴⁴ Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, *al-ahwal as-syakhsiah fi syarhi al-islamiyah* (Beirut: Dar, 2003) 60. Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja'fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010)86.

⁶⁴⁵ Muhammad Uqlah, *nizam al-usrah fil islam* (Maktabah ar-Risalah,1989) 279-280, Abdul Karim Zaidan, *al-mufassal fi ahkaamul mar'ah wabaitul muslim* (Beirut: Dar 2003)6/303-304.

Kesimpulan

Perbahasan dan perbincangan dalam artikel ini telah berjaya menyingkap beberapa maqasid juz'iyah yang tersembunyi dalam hukum pengharaman berkahwin dengan beberapa jenis wanita.

Pengharaman itu boleh dibahagi dua iaitu pengharaman berkahwin untuk selama-lamanya dan pengharaman berkahwin untuk sementara. Pengharaman berkahwin untuk selama-lamanya boleh dibahagikan kepada tiga sebab iaitu kerana keturunan, perkahwinan dan penyusuan.

Maqasid juz'iyah yang terdapat dalam pengharaman berkahwin kerana keturunan ialah :

1. Pengharaman ini sesuai dan tepat dengan fitrah semulajadi manusia
2. Mengelakkan kelahiran keturunan yang lemah yang telah dibukti oleh sains moden.
3. Menyelamatkan dari terputusnya hubungan silaturrahim sesama keluarga
4. Kaum lelaki sebagai pelindung wanita di bawah tanggungan atau kerabatnya.
5. Penghormatan khusus untuk ibu.

Maqasid juz'iyah yang terdapat dalam pengharaman berkahwin kerana hubungan perkahwinan ialah :

1. Hubungan perkahwinan seperti hubungan keturunan juga.
2. Mengelakkan dari terputus silaturrahim dan menimbulkan permusuhan.
3. Syarat berlaku persetujuan dengan ibu untuk mengharamkan perkahwinan dengan anak tiri kerana kebiasaan dan sifat semula jadi ibu yang menyukai kebaikan kepada anaknya melebihi dirinya sendiri.

Maqasid juz'iyah yang terdapat dalam pengharaman berkahwin kerana penyusuan ialah :

1. Anak susuan menjadi sebahagian dari diri ibu susuan yang melayakkannya dianggap seperti ibu kandung.
2. Keluarga ibu susuan bergaul bebas dengan anak susuan seperti pergaulan keluarga kandung.
3. Pengharaman ayah susuan berkahwin dengan anak susuan walaupun tidak pernah menyusukan anak susuannya kerana air susu yang diminum oleh anak susuan adalah berasal dari hasil percampuran air mani lelaki dan air mani wanita.

Maqasid juz'iyah yang terdapat dalam pengharaman sementara ialah :

1. Memutuskan silaturrahim dan menimbulkan permusuhan bagi yang menghimpunkan dua adik-beradik dalam satu perkahwinan.
2. Memutuskan silaturrahim dan menimbulkan permusuhan bagi yang menghimpunkan antara emak saudara dan anak saudara dalam satu perkahwinan.
3. Penetapan jumlah empat orang isteri dalam satu masa adalah tindak balas kepada sifat lelaki dan sesuai dengan kemampuannya untuk memikul tanggungjawab poligami itu.
4. Perbezaan aqidah dan cara hidup akan menyebabkan matlamat perkahwinan untuk mewujudkan kasih sayang dan ketenangan tidak akan dapat dicapai apabila berlaku perkahwinan antara dua pasang suami isteri yang berlainan agama.

5. Berkahwin dengan isteri orang adalah satu pencerobohan terhadap hak suami yang akan menimbulkan permusuhan dan percampuran keturunan.

6. Berkahwin dengan wanita yang masih dalam idah juga merupakan pencerobohan terhadap hak suami khususnya dalam idah talak satu dan dua yang boleh mencetuskan perbalahan dan percampuran keturunan.

7. Pengharaman berkahwin dengan isteri yang telah ditalak tiga adalah sebagai satu pencegahan dan seruan kepada suami agar tidak menjadikan lafaz talak itu sebagai satu mainan sama ada melafazkan talak satu persatu sehingga sampai talak yang ketiga atau melafazkan talak tiga sekaligus. Syarat isteri yang dicerai talak tiga mesti berkahwin dengan lelaki lain dan melakukan persetubuhan dengan suami baru adalah salah satu bentuk tindakan disiplin kepada suami supaya tidak bermudah-mudah melafazkan cerai talak tiga setelah dia mengetahui bahawa isterinya itu akan tidur bersama lelaki lain sebelum dibenarkan untuk berkahwin semula dengannya.

BIBLIOGRAFI

‘Alal al-Fasi, *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa makarimaha* (Kaherah : Dar al-Kalimah lilnasyri wa al-Tauzi’. 2014)

‘Atiah Saqar, *Mausuah al-Usrah tahta ri’ayat al-Islam* (Kaherah,: Maktabah Wahbah, 2003)

Abdul Karim Zaidan, *al-mufasssal fi ahkaamul mar’ah wabaitul muslim* (Beirut: Dar 2003).

Abdul Nasir Hamdan Bayyumi Ibrahim, *asarul istidlal bilmaqasid al-juz’iyyah fi firqu nikah* (Kaherah: Dar al-Kalimat, 2014).

Abdullah bin Abdur Rahman al-Bukhari, *mahasin al-islam* (Beirut: Dar Kutub al-Ilmiah).

Ahmad al-Hasri, *an-nikah wal-qadhaya al-muta’allichah bihi* (Beirut: Dar Ibnu Zaidun).

Ahmad al-Raisuni, Nazariah al-Maqasid inda al-Imam al-Syatibi,(al-Riyadh : al-Dar al-‘Alamiah lilkitab al-Islami, 1992)

Ahmad ibn ‘Ali ibn hajar, *al-Talkhis al-Habir* (Makah : al-Baz , 1998)

Badran Abu ‘Ainain Badran, *az-zawaj wathalaq fil islam* (t.th).

Hasan Hasanin, *ahkaamu al-usrah islamiah* (Kaherah: Dar Afaq, 2001).

Muhammad Abu Zahrah, *‘aqdu az-zawaj waasaaruhu* (Kaherah: Dar Fikr, 2011).

Muhammad Abu Zahrah, *al-ahwal as-syakhsiah* (Kaherah: Dar Fikr, 1950).

Muhammad Ali as-Sarthawi, *syarhu qanun al-ahwal as-syakhsiah* (t.tp, Dar al-Fikr, 1997).

Muhammad al-Zuhaili, *al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syafie*, (Damsyik : Dar al-Qalam,2015)

Muhammad Husain az-Zahabi, *al-ahwal as-syakhsiah baina mazhab ahli sunnah wamazhab al-ja’fariah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2010).

Muhammad Ibrahim al-Hafnawi, *az-zawaj* (al-Mansurah : Maktabah Iman, t.th).

Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, *al-ahwal as-syakhsiah fi syarhi al-islamiyah* (Beirut: Dar, 2003).

Muhammad Saad ibn Ahmad ibn Mas'ud al-Yubi, *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha biladilah al-Syar;iiyyah*, (al-Damam : Dar Ibnu al-Jauzi, 1423H)

Muhammad Uqlah, *nizam al-usrah fil islam* (Maktabah ar-Risalah,1989).

Mustafa al-Khin, Mustafa al- Bughha, 'Ali al-Syarbaji (Damsyik : Dar al-Qalam,1992)

Nuruddin Mukhtar al-Khadimi, *al-Ijtihad al-Maqasidi*, (Beirut : Dar Ibn Hazam, 2010)

Shah Waliullah Ibnu Abdur Rahim ad-Dahlawi, *hujjatullah al-balighah* (Beirut: Dar Ihya' al-Ulum).

Wasfi Asyur Abu Zaid, *maqasid juz'iiyyah* (Kaherah: Dar al-Maqasid,

Yusuf Ahmad Muhammad al-Badawi, *Maqasid al-Syariah inda Ibn Taimiyyah*,(al-Riyadh : Dar al-Samimi lilnasyri wa al-Tauzi' , 2012)

Zainab Abd al-Salam Abu al-Fadhl, *al-'Ardh al-Qurani liQadhaya al-Nikah wa al-Furqah* (Kaherah : Dar al-Hadis,2006)